

## **PROFIL KEMAHIRAN INTRAPERSONAL MURID BERKEPERLUAN KHAS PENGLIHATAN CEMERLANG AKADEMIK.**

Shahida Hassim<sup>1,2</sup>, Manisah Mohd Ali<sup>2</sup>, Norshidah Mohamad Salleh<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Universiti Pendidikan Sultan Idris

<sup>2</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia

shahida.hassim@fpm.upsi.edu.my

**Abstrak:** Kemahiran intrapersonal adalah salah satu aspek kemahiran emosi yang membenarkan seseorang memahami dirinya sendiri. Kajian ini adalah sebuah kajian kes pelbagai satu lokasi yang dilakukan terhadap enam orang murid berkeperluan khas penglihatan tingkatan enam. Kemahiran intrapersonal diukur berdasarkan faktor kemahiran kesedaran sendiri dan kemahiran pengurusan sendiri. Hasil kajian menunjukkan profil kemahiran intrapersonal peserta kajian adalah berada pada tahap tinggi. Implikasi kajian turut dibincangkan dalam kajian ini.

**Kata kunci:** Kemahiran emosi, kemahiran intrapersonal, kemahiran kesedaran sendiri, murid berkeperluan khas penglihatan.

### **1.0 PENGENALAN**

Kehidupan bermaksud perihal yang hidup. Kebanyakan manusia menganggap kehidupan adalah untuk memenuhi keperluan jasad seperti bekerja untuk mencari duit supaya dapat membeli makanan, pakaian, dan kemewahan. Persepsi ini memberi maksud manusia memahami hidup itu adalah jasad yang bergerak untuk membolehkan mereka melakukan pekerjaan. Kesempurnaan fizikal membolehkan mereka bekerja, belajar, bersukan, dan sebagainya. Contohnya, dengan mata dan telinga manusia boleh melihat, mendengar, belajar, dan bergerak dengan selesa. Realitinya, yang hidup pada seseorang manusia itu adalah roh yang ditiupkan oleh Allah swt setelah Dia menyempurnakan kejadian jasad sebagai tubuh badan seorang manusia semasa di dalam kandungan ibu. Tanpa yang hidup, jasad tidak boleh bergerak. Banyak sekali firman Allah swt tentang kejadian manusia yang melalui beberapa proses dan fasa yang tertentu seperti dalam surah Al-Thariq, Shaad, Al-mukminun, As-Sajadah, dan Al-Hijr. Sebagai contoh, di dalam surah Shaah pada ayat ke 72 Allah swt berfirman yang bermaksud:

Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya, dan Aku meniupkan kepadanya dari ruh (ciptaan)Ku, maka hendaklah kamu tunduk dan sujud kepada Nya.

QS Shaad, 38:72

Jasad manusia tidak boleh bergerak tanpa adanya roh. Ruh itu lah yang hidup dan menjadi diri seorang manusia. Apabila roh keluar untuk selama-lamanya dari jasad manusia, jasad akan terus mati tidak bergerak dan menjadi tidak bermakna apa-apa. Justeru, perkara yang

utama bagi manusia adalah mengenal dirinya di samping jasad fizikal sebagai bentuk dan sifat kejadian seorang manusia.

Mengenal diri adalah sebahagian jalan yang benar untuk mencapai makrifatullah (mengenal Allah swt). Allah swt memerintahkan manusia mengenal dirinya supaya manusia mengenal siapakah yang menciptakan-Nya. Perintah ini telah disebut dalam banyak surah, di antaranya dalam surah Adz-Dzaariyaat pada ayat 20 dan 21, Allah swt berfirman yang bermaksud:

“Dan di bumi ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang yakin, dan juga dalam diri kamu sendiri, maka apakah kamu tidak memerhatikan?”

QS Adz-Dzaariyaat, 51:20-21

Di antara perkara utama yang perlu ditemui oleh manusia dalam pencarian mengenal siapa dirinya adalah menyedari tujuan dia diciptakan oleh Allah swt di dunia. Allah swt telah melengkapkan manusia sebagai sebaik-baik kejadian semata-mata untuk bertanggungjawab kepada dirinya sendiri. Firman Allah swt di dalam surah Abasa pada ayat 18-20 telah menyatakan tujuan hidup bagi seorang manusia yang diciptakanNya, yang bermaksud:

“Tidakkah ia memikirkan dari apakah ia diciptakan oleh Allah? Dari air mani diciptakanNya, serta dilengkapi keadaannya dengan persediaan untuk bertanggungjawab. Kemudian jalan baik dan jalan jahat dimudahkan Tuhan kepadanya untuk menimbang dan mengambil mana satu yang ia pilih”.

Imam Al-Ghazali dalam kitabnya *Kimiya'us Sa'adah* telah menyatakan mengenali diri sendiri (makrifatunнас) adalah kunci untuk mengenal Allah swt. Rasionalnya, diri sendiri adalah hal yang paling dekat dengan manusia. Apabila seseorang manusia tidak mengenal dirinya sendiri, bagaimana dia boleh mengenal penciptanya iaitu Allah swt? Imam Al-Ghazali turut mengambil hadis nabi saw sebagai asas iaitu “siapa yang mengenal dirinya, ia juga mengenal Tuhannya”. Ini jelas menunjukkan mengenal diri sendiri adalah perintah Allah swt terhadap seluruh hambanya. Hanya apabila manusia benar-benar mengenal dirinya, baharulah dia dapat tunduk patuh dan mengabdikan dirinya kepada Allah swt yang Maha Mencipta dan menjadi sebenar-benar hamba.

## **2.0 PERNYATAAN MASALAH**

Di dalam Al-Quran, Allah swt telah memberi panduan kepada manusia tatacara hidup supaya tetap berada di jalan lurus dalam tempoh pengembaraannya menjadi hamba Allah swt. Emosi adalah sebahagian anugerah Allah dalam diri manusia apabila ia digunakan dengan betul akan mendorong manusia menjadi hamba yang taat dan bertaqwa. Emosi positif seperti syukur dan tenang memandu manusia kepada keimanan yang hakiki dan menjadi penggerak dalam melaksanakan ibadah kepada Allah swt. Sementara emosi negatif seperti marah, benci dan putus asa akan membawa manusia ke arah jalan yang bertentangan dengan ajaran Allah swt dan Rasullullah saw. Allah swt menjelaskan tentang larangan berputus asa daripada rahmat Nya di dalam surah Ali-Imran pada ayat 139 yang bermaksud:

“Janganlah kamu bersikap lemah dan janganlah pula kamu bersedih hati, padahal kamulah orang-orang yang paling tinggi darjatnya jika kamu orang-orang yang beriman.”

QS Ali-Imran:139

Apabila manusia di dalam keadaan yang tertekan, sedih, dan marah Allah swt mengajarkan cara mengendalikan emosi-emosi tersebut supaya tidak hanyut dibawa perasaan sehingga dirasuki oleh syaitan. Allah swt mengajarkan, setiap keadaan yang buruk adalah ujian daripadanya dan Dia mengkehendaki manusia menjadi orang yang sabar dan menjadikan solat sebagai penolong dan benteng diri. Daripada Abu Hurairah r.a, Rasulullah saw bersabda, “mukmin yang kuat adalah lebih baik dan lebih dicintai Allah daripada mukmin yang lemah dan pada keduanya ada kebaikan. Bersungguh-sungguhlah untuk mendapatkan apa yang bermanfaat bagimu dan mintalah pertolongan daripada Allah dalam segala urusanmu serta janganlah engkau berasa lemah. Apabila engkau ditimpa musibah, janganlah engkau berkata “seandainya aku berbuat demikian tentu tidak akan menjadi begini dan begitu. Bahkan katakan lah “ini telah ditakdirkan oleh Allah, dan Allah berbuat apa sahaja yang dia kehendaki, kerana ungkapan ‘seandainya’ akan membuka pintu perbuatan syaitan”.

Kecacatan anggota atau ketidakupayaan pada mana-mana pancaindera menyebabkan orang yang mengalaminya berasa dirinya berbeza daripada orang lain, dan berasa tidak berkemampuan meneruskan kehidupan seperti orang lain. Dalam tempoh penyesuaian, berbagai emosi yang timbul dan bergelojak dalam diri mereka. Menurut Tuttle dan Tuttle (2004), individu yang mengalami kecacatan penglihatan secara mengejut akan melalui tujuh fasa penyesuaian. Pada peringkat permulaan kejadian, individu akan berasa trauma terhadap kecacatan yang mungkin berpunca daripada kemalangan atau penyakit. Bagi kanak-kanak yang memang dilahirkan tiada penglihatan ia adalah satu fasa kesedaran dirinya berbeza daripada kanak-kanak lain. Mereka berasa terkejut dan mungkin menafikan kecacatan kerana rasa tidak percaya terhadap takdir yang telah berlaku. Kemudian, mereka akan berkabung dan berasa kasihan pada diri sendiri serta memencilkan diri dari ahli keluarga dan rakan-rakan. Apabila mereka melayani perasaan sedih secara berterusan, ia akan menjadikan persepsi terhadap diri sebagai seorang manusia yang tiada upaya, mengalah dan akhirnya menimbulkan reaksi emosi tertekan sehingga menjadi murung.

Selain daripada itu, kajian menunjukkan kecacatan sensori memberi kesan yang buruk kepada kualiti hidup seseorang (Marini, Glover-Graf, & Millington, 2012). Kajian kesejahteraan psikologi yang dibuat terhadap 343 orang dewasa yang mengalami kecacatan pendengaran, Helvik, Jacobsen, dan Hallberg (2006) mendapati kaum wanita melaporkan tahap rendah dalam kesejahteraan hidup, kawalan sendiri, kecergasan, kesihatan, dan tinggi tahap kebimbangan dan depresi. Kajian yang dibuat oleh Wong, Machin, Tan, Wong, dan Saw (2009) mendapati remaja yang mengalami kehilangan sensori penglihatan, mempunyai tahap kualiti hidup, fungsi psikososial, dan fungsi persekolahan yang rendah berbanding remaja yang tipikal.

Kajian-kajian terkini, telah menemui kemahiran intrapersonal dalam kalangan pesakit yang mengalami kehilangan penglihatan. Thurston, Thurston dan Mcleod (2010) mendapati perubahan persepsi pesakit terhadap diri sendiri adalah berkait dengan proses penyesuaian diri dalam transisi dari celik kepada kebutaan. Semasa proses ini berlangsung, pesakit menangani kebutaan secara progresif. Mereka tidak lagi menyembunyikan kecacatan, malahan telah mula menggunakan tongkat putih dan menerima rehabilitasi. Hayeems, Geller, Finkelstein (2005) menemui pesakit yang mengenalpasti dirinya sebagai individu bermasalah penglihatan lebih

cenderung menghargai dirinya seperti tidak menyisihkan diri, membuat perubahan gaya hidup, menggunakan teknologi bantuan, dan akhirnya mempunyai autonomi kepada diri sendiri. Tambahan lagi, Senra, Oliveira dan Leal (2011) mendapati kesedaran sendiri dan persepsi sendiri adalah dua kemahiran yang sangat penting kepada pesakit dalam proses penyesuaian kehilangan penglihatan. Sungguhpun kajian-kajian telah menemui kemahiran intrapersonal relevan dengan pengalaman hidup pesakit yang mengalami masalah penglihatan, belum ada kajian kemahiran intrapersonal dilakukan terhadap kumpulan murid-murid bermasalah penglihatan yang berjaya melalui penyesuaian kebutaan dengan baik seperti murid-murid yang cemerlang dalam akademik. Justeru, kajian ini bertujuan mengenalpasti profil murid berkeperluan khas penglihatan yang cemerlang akademik di sekolah.

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah mengenalpasti profil kemahiran intrapersonal murid berkeperluan khas penglihatan cemerlang akademik.

### 4.0 KAEDAH KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah kajian pelbagai kes satu lokasi. Kaedah persampelan kajian ini adalah persampelan bertujuan. Peserta kajian ini adalah murid-murid berkeperluan khas penglihatan tingkatan enam yang cemerlang akademik di sekolah berdasarkan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data adalah inventori kemahiran intrapersonal (IKE-I) yang dibina oleh pengkaji berdasarkan kerangka model kemahiran emosi yang dicadangkan oleh Goleman (2000). Analisis yang digunakan adalah analisis min dan sisihan piawai. Profil kemahiran intrapersonal yang diukur adalah kemahiran kesedaran sendiri dan kemahiran pengurusan sendiri.

### 5.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya hasil kajian mendapati profil kemahiran intrapersonal murid berkeperluan khas penglihatan yang cemerlang akademik berada pada tahap tinggi iaitu min=4.14. Kedua-dua konstruk kemahiran intrapersonal berada pada tahap tinggi. Skor min bagi kemahiran kesedaran sendiri adalah 4.17 dan min bagi kemahiran pengurusan sendiri adalah 4.13. Tujuh sub konstruk kemahiran intrapersonal berada pada tahap tinggi, berbanding sub konstruk keyakinan diri dan kemahiran kawalan sendiri berada pada tahap sederhana iaitu min masing-masing adalah 3.83 dan 3.75. Jadual 1 menunjukkan profil kemahiran intrapersonal murid berkeperluan khas penglihatan cemerlang akademik.

Kemahiran intrapersonal	Sub Konstruk Kemahiran Intrapersonal	Skor min	SD	Tahap
Kesedaran sendiri		4.17	.31	Tinggi
	Kesedaran emosi	4.40	.24	Tinggi
	Ketepatan penilaian sendiri	4.28	.44	Tinggi
	Keyakinan diri	3.83	.35	Sederhana
Pengurusan sendiri		4.13	.26	Tinggi

Kawalan sendiri	3.75	.31	Sederhana
Kebolehpercayaan	4.28	.36	Tinggi
Bertanggungjawab	4.37	.34	Tinggi
Dorongan pencapaian	4.25	.36	Tinggi
Inisiatif	4.03	.16	Tinggi
Penyesuaian	4.08	.28	Tinggi
Keseluruhan	4.14	.26	Tinggi

Apabila mengikut kes kajian, terdapat empat orang peserta kajian yang mempunyai profil kemahiran intrapersonal yang tinggi iaitu peserta kajian 2, peserta kajian 3, peserta kajian 5, dan peserta kajian 6. Sementara peserta kajian 1 dan peserta kajian 4 mempunyai profil kemahiran intrapersonal sederhana.

Hasil kajian ini selari dan menyokong dapatan kajian-kajian lepas yang mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan akademik dalam kalangan pelajar berkeperluan khas. Sebagai contoh, Howe, (2013) mendapati konsep sendiri akademik adalah satu-satunya pembolehubah yang signifikan dengan kejayaan akademik pelajar berkeperluan khas lepasan sekolah menengah. Wilson (2015) menemui nilai dan kefahaman sendiri serta penetapan matlamat adalah dua kemahiran intrapersonal yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar yang mengalami ketidakupayaan membaca.

Selain itu, kajian ini turut menyokong kajian-kajian yang mengaitkan kemahiran intrapersonal dalam kalangan pelajar tipikal dengan pencapaian akademik. Kajian Mega, Ronconi, dan De Beni (2013) mendapati profil kemahiran regulasi sendiri dan motivasi pada tahap tinggi dalam kalangan pelajar prasiswazah. Kajian mereka mendapati emosi positif memberi impak kepada pencapaian akademik apabila pelajar prasiswazah mempunyai kemahiran regulasi sendiri dan motivasi. Pelajar prasiswazah mempunyai kemahiran regulasi sendiri yang membenarkan mereka mengurus masa akademik, membuat ringkasan bahan pembelajaran, menilai pembelajaran dan prestasi, berstrategi dalam persediaan peperiksaan, dan melakukan metakognitif semasa belajar. Selain itu, pelajar prasiswazah juga mempunyai motivasi untuk belajar dan melaburkan usaha, mempunyai keyakinan terhadap kecerdasan intelek dan peribadi, mempunyai kemampuan dalam domain akademik, dan mengejar matlamat. Selain itu, Isaacson dan Fujita (2006) melaporkan pelajar prasiswazah yang mempunyai pencapaian tinggi, mempunyai kemahiran metakognitif yang lebih baik. Mereka dapat melakukan penilaian yang lebih tepat terhadap keputusan peperiksaan, lebih realistik dalam matlamat, menyesuaikan keyakinan diri dengan keputusan peperiksaan, dan lebih berkesan dalam memilih soalan-soalan ujian.

Kajian Guay, Ratelle, Roy, dan Litalien (2010) mendapati pelajar tingkatan enam mempunyai motivasi akademik dan konsep sendiri akademik yang tinggi. Motivasi akademik adalah perantara kepada konsep sendiri akademik yang akhirnya memberi kesan kepada pencapaian akademik dalam kalangan pelajar tingkatan enam. Pelajar yang menganggap diri mereka cekap dalam akademik mencapai gred yang tinggi kerana konsep sendiri akademik membawa mereka menjadi lebih berautonomi di sekolah.

Kajian ini mendapati murid berkeperluan khas penglihatan cemerlang akademik mempunyai tahap sederhana dalam kemahiran keyakinan diri dan kawalan sendiri. Augested (2017) melakukan kajian sistematik terhadap kajian-kajian konsep sendiri dan estim sendiri dalam kalangan kanak-kanak hingga dewasa awal kurang upaya penglihatan mendapati terdapat perbezaan hasil kajian-kajian lepas berkenaan tahap konsep sendiri dan estim sendiri golongan

orang kurang upaya penglihatan. Lima buah kajian melaporkan individu yang mengalami ketidakupayaan penglihatan mempunyai konsep sendiri dan estim sendiri yang rendah berbanding orang tipikal. Sebahagian kajian yang lain mendapati tidak ada perbezaan tahap konsep sendiri dan estim sendiri di antara orang tipikal dan orang kurang upaya penglihatan. Ada juga kajian yang mendapati remaja kurang upaya penglihatan mempunyai tahap estim sendiri yang tinggi berbanding remaja tipikal. Augested (2017) menyatakan hasil kajian berbeza adalah disebabkan kekaburan definisi konstruk, kelemahan instrument, dan beberapa kajian tidak menyatakan diagnostik, kemajuan penyakit, kejadian buta, dan tahap keterukan kehilangan penglihatan.

## 6.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Sebagai rumusannya, kajian ini menunjukkan murid berkeperluan khas penglihatan yang cemerlang dalam akademik mengenali diri mereka dengan sangat baik. Murid-murid ini mempunyai emosi positif dan dapat menguruskan emosi negatif dengan cara yang betul. Oleh itu, kajian ini membuat andaian kemahiran intrapersonal adalah kemahiran yang boleh memberi kesan terhadap pencapaian akademik dalam kalangan murid berkeperluan khas penglihatan. Kajian ini juga mencadangkan kemahiran intrapersonal dijadikan sebagai asas dalam pembangunan teori dan praktikal dalam *setting* pendidikan murid-murid berkeperluan khas penglihatan.

## 7.0 RUJUKAN

- Al-Ghazali. (1977). *Kimiyatus Saadah* (terjemahan). Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Augested, L. B. (2017). Self Concept and self esteem among children and young adult with visual impairment: A systematic review. *Cogent Psychology*, 4.
- Goleman, D. (2001). Emotional Intelligence: Issues in paradigma building. In C. Chernis dan Goleman, D. eds., *The Emotional Intelligent Workplace*. San Francisco: Jossey-Bass, pp. 13-26
- Guay, F., Ratelle, C. F., Roy, A., & Litalien, D. (2010). Academic self-concept, autonomous academic motivation, and academic achievement: Mediating and additive effects. *Learning and Individual Differences*, 20, pp. 644–65
- Isaacson, R. M. & Fujita, F. (2006). Metacognitive knowledge monitoring and self-regulated learning: academic success and reflections on learning. *Journal of the Scholarship of Teaching and Learning*, 6 (1), pp. 39 - 55.
- Marini, I., Glover-Graf, N.M., & Millington, M.J. (2012). *Psychosocial aspects of disability. Insider Perspectives and Counseling Strategies*. New York: Springer Publishing Company, LLC
- Mega, C., Ronconi, L., & De Beni, R. (2013). What makes a good student? how emotions, self-regulated learning, and motivation contribute to academic achievement. *Journal of Educational Psychology*, 106, (1), pp. 121–131

*Proceeding of International Seminar On Tarbiyah 2017,*  
*Institut Agama Islam Negeri Bukittinggi, Indonesia*  
17 – 20 Oktober 2017

**eISBN: 978-967-2122-55-5**

Wong, H.B., Machin, D., Tan, S.B., Wong, T.Y., & Saw, S.M. (2009). Visual impairment and its impact on health-related quality of life in adolescents. *American Journal of Ophthalmology*, 147, 505-511.